

Sistem Keselamatan Siber Dinamik Bantu Hadapi Ancaman Jenayah Dalam Ekonomi Digital

Unit Komunikasi Korporat

Wed 10/4/2017 4:04 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



04 OKTOBER 2017 / 13 MUHARAM 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SISTEM KESELAMATAN SIBER DINAMIK BANTU HADAPI ANCAMAN JENAYAH DALAM EKONOMI DIGITAL



UUM ONLINE: Cyberjaya - Dalam era kebangkitan ekonomi digital, sistem pertahanan keselamatan siber harus lebih canggih dan dinamik bagi menghadapi sebarang ancaman jenayah siber.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, isu keselamatan siber menjadi perhatian di peringkat pembuat dasar dan pengawal selia.

Ujarnya, keselamatan boleh dibahagikan kepada dua iaitu 'traditional' (ketenteraan) dan 'non-traditional' (peranan kuasa ekonomi, politik dan kemasyarakatan) tetapi kini dilihat pertahanan keselamatan lebih terdedah kepada 'non-traditional'.

Menurut beliau, dengan kecanggihan teknologi, manusia sudah saling berhubung hanya melalui telefon bimbit dengan adanya Internet, seterusnya mendedahkan diri kepada ancaman keselamatan siber.

"Pelbagai usaha diambil khususnya dalam konteks ekonomi digital di mana urusan transaksi elektronik semakin berkembang dan meningkatkan penglibatan ramai serta aktiviti dalam ekosistem ekonomi digital negara.

"Jika tidak ditangani akan mewujudkan pelbagai risiko, justeru satu polisi rangka kerja berkaitan harus diperkenalkan ke arah pencapaian model perniagaan yang dipercayai di Malaysia, malah pendidikan juga berperanan penting untuk memberi pendedahan sejak awal tentang ancaman siber ini," katanya pada 2nd Malaysian Internet Governance Forum (MYIGF) 2017 di Auditorium SKMM, pagi tadi.

Dalam MYIGF 2017 anjuran Pusat Pengajian Pengkomputeran dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) itu, Dato' Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus, Ketua Pegawai Komunikasi dan Ekosistem Digital, SKMM yang mewakili Pengerusi SKMM turut menyampaikan syarahan beliau.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



UUM Consider

UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.